

Abdullah tidak menolak berlaku 'kejutan' hari ini

UM

10 NOV 1999

SHAH ALAM 9 Nov. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO tidak menolak kemungkinan 'kejutan' akan berlaku esok.

Bagaimanapun, mereka enggan mengulas lanjut sama ada 'kejutan' itu ada kaitannya atau tidak dengan pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

'Kejutan' itu menjadi bualan hangat di kalangan ahli politik hari ini ekoran pembatalan saat akhir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berangkat ke Afrika Selatan seperti yang diumumkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai kemungkinan adanya mesyuarat tergepar MT petang esok kerana beliau sendiri belum menerima sebarang surat daripada parti.

Abdullah lalu meminta para wartawan supaya menunggu keputusan secepat mesyuarat jemaah menteri esok bagi mendapatkan kepastian.

"Tak tahu, belum sampai surat lagi...esoklah...esok lepas mesyuarat kabinet, tahulah...belum dengar lagi..esok kita dengar lepas jemaah menteri," ujarnya ketika ditemui selepas menghadiri majlis perkahwinan anak kepada Ketua UMNO Bahagian Klang, Datuk Zakaria Mat Deros di sini malam ini.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak enggan mengulas mengenai perkara itu, sebaliknya hanya melemparkan senyuman yang penuh makna.

'Senyuman' yang sama turut diberikan oleh beberapa menteri lain yang turut hadir dalam majlis berkenaan seperti Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fad-

zir dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, beliau sendiri tidak tahu mengenai mesyuarat tergepar MT petang esok, sebaliknya meminta para wartawan bertanya kepada Abdullah.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar yang juga ahli MT memberitahu, mesyuarat Exco kerajaan negeri akan berjalan seperti biasa pada pagi esok.

Beliau juga berkata, tidak mengetahui sebarang program parti yang mungkin akan diadakan pada sebelah petang.

"Tunggulah esok," ujarnya.